

MESYUARAT MENTERI PERINGKAT TINGGI MENGENAI SITUASI KEMANUSIAAN DI AFGHANISTAN ...

Print

**MESYUARAT MENTERI PERINGKAT TINGGI MENGENAI SITUASI KEMANUSIAAN DI AFGHANISTAN ANJURAN
PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU PADA 13 SEPTEMBER 2021**

YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Luar Negeri telah menyertai Mesyuarat Menteri Peringkat Tinggi mengenai Situasi Kemanusiaan di Afghanistan anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) secara maya pada 13 September 2021.

Mesyuarat tergepar anjuran TYT António Guterres, Setiausaha Agung PBB ini bertujuan untuk mengukuhkan solidariti masyarakat antarabangsa ke atas rakyat Afghanistan serta mengetengahkan keperluan mendesak untuk mendapatkan sumbangan dan sokongan masyarakat antarabangsa bagi mengatasi krisis kemanusiaan yang semakin meruncing di negara tersebut. Setiausaha Agung PBB menekankan keperluan sumbangan kewangan sebanyak USD604 juta bagi membantu 11 juta rakyat Afghanistan dalam tempoh masa empat bulan yang akan datang.

Di dalam kenyataan beliau semasa mesyuarat tersebut, YB Menteri Luar Negeri telah menekankan bahawa keselamatan, hak asasi manusia dan kebajikan seluruh warga Afghanistan dan warganegara asing di negara tersebut harus diberi keutamaan dan dilindungi, di samping memastikan akses bantuan kemanusiaan yang segera dan selamat.

YB Menteri Luar Negeri menekankan sokongan Malaysia ke atas proses inklusif yang dipimpin, dimiliki serta dikawal oleh rakyat Afghanistan sendiri, ke arah penyelesaian politik berkekalan demi keamanan dan keselamatan negara tersebut. Beliau turut menggesa agar hak asasi manusia dan kebebasan asasi di Afghanistan dihormati, termasuk dengan penyertaan penuh dan bermakna oleh golongan wanita, belia dan minoriti.

Menteri Luar Negeri turut mengumumkan sumbangan kewangan dari Malaysia sebanyak USD100,000 bagi membantu dan menyokong rakyat Afghanistan.

Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat ini mencerminkan solidariti Malaysia ke atas rakyat Afghanistan serta sokongan teguh Malaysia kepada pihak PBB dalam usaha menangani krisis kemanusiaan di Afghanistan.

PUTRAJAYA**13 SEPTEMBER 2021**